

26 MAR 1999

BIMP-EAGA-Pengangkutan

PAKAR: RANGKAIAN PENGANGKUTAN DALAM BIMP-EAGA MASIH LEMAH

KOTA KINABALU, 26 Mac (Bernama) -- Sebanyak 47 juta penduduk dalam lingkungan Kawasan Pertumbuhan Asean Timur Brunei-Indonesia-Malaysia-Filipina (BIMP-EAGA) sepatutnya menikmati kadar pertumbuhan yang lebih pantas sekiranya terdapat rangkaian pengangkutan yang bersepadu, kata seorang pakar pengangkutan.

Ahmad Nizar Yaakub, koordinator kajian antarabangsa di Universiti Malaysia Sarawak (Unimas), dengan pengkhususan dalam bidang pembangunan ekonomi serantau, berkata buat masa ini rangkaian pengangkutan sama ada udara, darat dan laut dalam lingkungan kawasan itu tidak mencukupi dan ini menghalang pertumbuhan ekonomi.

Keadaan ini mungkin menyebabkan masalah-masalah lain seperti kemasukkan berterusan pendatang tanpa izin ke dalam negara-negara anggota BIMP-EAGA yang lebih maju, katanya kepada Bernama dalam satu temubual hari ini.

Ahmad Nizar berkata satu rangkaian pengangkutan yang efisien akan dapat menjadi "faktor penarik" untuk ahli-ahli perniagaan melabur dalam negara-negara anggota yang miskin dan seterusnya membuka peluang pekerjaan untuk penduduk.

Beliau memberi contoh Sijori (Singapore-Johor-Riau) yang mana penduduk Sumatera kekal tinggal di sana kerana para pelabur dari Singapura dapat berulang alik ke sana dengan feri setiap hari.

Ahmad Nizar, juga berkata terdapat beberapa kekurangan yang kritikal yang menghalang rangkaian pengangkutan yang efisien.

Antaranya ialah peraturan kastam, imigresen dan kurantin (KIK)mmigration and Quarantine (CIQ) dan prosedur mengenai pergerakan barangan dan kenderaan di sempadan anggota-anggota EAGA, katanya.

Beliau berkata kerajaan yang sedang menghadapi masalah kewangan seharusnya membenarkan penyertaan sektor swasta dalam membantu menyiapkan projek-projek prasarana.

Beliau memberi contoh mengenai perjanjian konsesi selama 30 tahun antara kerajaan Sarawak dan Cambridge Alliance Sdn Bhd bagi menswasta pembinaan jambatan berharga RM50 menghubungkan Miri dan Brunei.

Ini akan mempercepatkan pembinaan projek dan pada masa yang sama mengurangkan beban kerajaan, kata Ahmad Nizar.

Beliau bersetuju dengan cadangan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan bekas Presiden Filipina Fidel Ramos supaya anggota-anggota BIMP-EAGA menubuhkan satu syarikat penerbangan serantau.

Langkah seperti itu akan dapat mengekalkan industri penerbangan serantau, kata Ahmad Nizar.

Bagaimanapun, katanya, sekiranya ada negara-negara anggota yang enggan, kebenaran perlu diberikan kepada syarikat-syarikat penerbangan untuk mengadakan perkhidmatan ke destinasi-destinasi yang menguntungkan, katanya.

"Misalnya, Penerbangan Malaysia yang membuat perkhidmatan pada laluan Kota Kinabalu-Davao, boleh dibenarkan meneruskan perjalanan ke, sama ada, Cagayan de Oro atau Manila," katanya.

--BERNAMA

HAK WAT